

21/10/1997

Penjajahan melalui media

"A POWERFUL communication system exists to secure, not grudging submission but an open-armed allegiance in the penetrated areas, by identifying the American presence with freedom - freedom of trade, freedom of speech and freedom of enterprise. In short, the emerging imperial network of America economics and finance utilise the communications media for its defence and entrenchment wherever it exists already and for its expansion to locales where it hopes to become active.

"The multinational corporations are the engines that give the trust to America expansionism. The communication apparatus which these industrial giants have at their disposal provides the methodology without which the new imperial surge would be ineffective, coming as it does on the heels of political liberation in so many former colonial territories." - Herbert Schiller dalam Mass Media Empire.

Petikan di atas dari sebuah buku bermaksud menyatakan bahawa terdapat satu sistem komunikasi yang kuat sekali untuk memujuk negara yang baru merdeka agar menerima dengan rela hati pengaruh dan kekuasaan Amerika. Syarikat gergasi Amerika menggunakan komunikasi sebagai alat untuk memperluas dan memperkukuh pengaruhnya di seluruh dunia. Tanpa penguasaannya ke atas sistem komunikasi dunia, usahanya tidak akan berkesan.

Sehubungan ini kita tidak harus terperanjat bahawa syarikat gergasi komunikasi CNN, cuba melaga-lagakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dengan Gabenor Bank Pusat Indonesia ataupun cuba mengadu-dombakan rakyat berbilang kaum di negara ini baru-baru ini. CNN tidak saja menyiarkan gambar rusuhan kaum 13 Mei, tahun 1969 dahulu tetapi juga membuat ulasan yang provokatif mengenai peristiwa itu dengan membayangkan kemungkinan rusuhan itu akan berulang. Media Barat pula mengadu-dombakan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memomok-momokkan Dr Mahathir konon tidak lagi disokong rakyat yang menuntut beliau supaya berundur kerana kononnya tidak cekap mengurus kemelut ekonomi negara sekarang. Sambil itu mereka memberi alasan Dr Mahathir terlalu lama memegang jawatan Perdana Menteri.

Sebuah akhbar harian bahasa Inggeris di Bangkok, The Nation, menulis tajuk rencana yang agak biadab terhadap Dr Mahathir mengulangi segala cemuhan yang tadinya diluahkan oleh media Barat. Malah The Nation menokok tambah celaannya ke atas Dr Mahathir dengan tuduhan beliau seorang 'racist' kerana membenci orang Yahudi. Akhbar harian bahasa Inggeris Bangkok itu tidak percaya sokongan parti politik dan gologan usahawan Malaysia kepada kepemimpinan Dr Mahathir. Akhbar itu menyindir kononnya sokongan itu menunjukkan rasa gelisah yang meningkat terhadap kepemimpinannya.

Kita tidak harus gelabah dengan kecaman seperti ini, yang nadanya serupa saja dengan nada musuh kita. Sedangkan dalam negara sendiri terdengar suara yang serupa yang menyesalkan Dr Mahathir terus lantang suaranya menuntut agar dikawal perniagaan mata wang demi menghindarkan penganiayaan ke atas negara membangun.

Sesetengah usahawan yang menanggung padah akibat kejatuhan nilai mata wang ringgit wajar menyedari bahawa nasib masa hadapan mereka sebenarnya terikat erat dengan nasib negara. Sekiranya kita tidak dapat mengatasi kemelut ekonomi yang kita hadapi sekarang, bukan sektor perniagaan sahaja yang akan terjejas tetapi tiap lapisan rakyat.

Media asing seperti The Nation menggunakan tiap kesempatan untuk memomokkan kepemimpinan negara. Mereka memetik dan membesarkan sebarang tanda gelisah dan rasa tidak puas hati terutama di kalangan usahawan untuk bahan mereka menghakis keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan negara. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman kelmarin mengecam keras sesetengah usahawan yang mengecam Dr Mahathir sebagai orang yang tidak mengenang budi.

Mengenai media di negara sahabat yang seperti burung tiong menjaja suara media Barat saya teringat kepada pendedahan seorang wartawan Washington Post, Carl Bernstein. Menurutnya dalam era Perang Dingin ratusan wartawan Amerika termasuk mereka yang bertugas di negara Afrika dan Asia telah dibiayai oleh Central Intelligence Agency Amerika atau CIA.

Di Asia, menurut Bernstein, beberapa akhbar telah menerima biaya CIA. Antara akhbar Asia yang ditunjuk oleh Bernstein dibiayai atau menerima wang yang banyak dari CIA untuk menyebarkan propaganda Amerika ialah Okinawa Morning Star, Bangkok World, Japan Times, Bangkok Post dan The Nation di Yangon.

Saya tidak mahu menuduh suara sumbang dari media negara sahabat yang mengecam Dr Mahathir sekarang dibayar atau menerima upah daripada golongan tertentu di Barat yang memusuhi Dr Mahathir, tetapi kita tidak dapat menolak sama sekali kemungkinan itu.

(END)